

PENEROKA

wccpf FELDA

“MEMACU EKONOMI UMMAH”



SEMINAR
NLP Komuniti
FELDA 2021
Anugerah
Pencapaian Terbaik Sedekah

R&D

□ Mekanisasi FELDA
□ Sesi Onsite Hands-on SPMS

ISI KANDUNGAN

02 SEKAPUR SIREH

- Perutusan Pengurus FELDA

03 URUS TADBIR

- Forum Bicara Integriti: Mencari Keberkatan Rezeki
- Yayasan FELDA Mencipta Sejarah Dengan Penganugerahan Pengiktirafan Daripada Malaysia Book of Records Sebagai 'First TVET Institution to Offer Dialysis Programme'

05 KEBERKATAN

- Wakaf Perisai Harta Umat Islam
- Waqaf FELDA Mampu Mengubah Landskap Ekonomi Negara

06 PERLADANGAN

- Hari Produktiviti dan Kualiti Perladangan (HPKP) 2021

08 KOMUNITI

- Seminar NLP Komuniti FELDA 2021

10 PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

- Projek Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat

11 R & D

- Mekanisasi FELDA
- Sesi Onsite Hands-On SPMS

12 INSPIRASI

- Anugerah Pencapaian Sedekah Terbaik

SIDANG REDAKSI

PENAUNG :

YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh

KETUA EDITOR :

Shanizar binti Ahmad Shahar

EDITOR :

Muhamad Fakhru Anwar
Bin Omar

ANGGOTA REDAKSI :

Mohamad Isa Hasan
Mohd Shariman Che Deris
Hasyira Nadia Yugani
Mohamad Fadzli Raja Aziz
Hisyam bin Ahmad @Ahmaddiah
Nurulnida Bt Md Noh
Nur Hazimah Binti. Rahman

PENASIHAT :

Dato' Amiruddin Bin Abdul Satar

PENOLONG KETUA EDITOR :

Norhasimah Binti Mohd Nor

PENOLONG EDITOR 1 :

Nur Farahana Binti Shaari

REKABENTUK DAN CETAKAN :

Gigawise Network Sdn Bhd
No. 74, Jalan Kapar 27/89,
HICOM Heavy Industrial Park
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004
✉ Giga Wise Network Sdn Bhd
✉ www.gigaprint2u.com

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana kita semua telah berjaya melepas tahun 2021 yang sangat mencabar. Sepanjang tahun 2021 kita diuji dengan pandemik Covid-19 yang masih tiada titik noktahtanya dan baru-baru ini sebahagian daripada kita diuji dengan bencana banjir. Begitu juga pelbagai cabaran dihadapi dalam mengembalikan FELDA ke landasan kejayaan dan mengukuhkan keyakinan warga terhadap pengurusan FELDA.

Dan dengan cabaran ini, telah memperlihatkan semangat kebersamaan, dan kebersatuant antara kita semakin meningkat. Jalinan silaturahim kita semakin bertambah baik.

Tahun 2021 yang telah kita lalui, boleh ditakrifkan sebagai tahun kejayaan di mana kita telah diberi **Sukuk** sebanyak **RM9.9 bilion** daripada kerajaan. Dan dengan itu, kita berjaya menguasai pengambilalihan saham FGV sehingga 82%. Kita juga bersyukur kerana telah berjaya **menyelesaikan akaun peneroka** dan memberi penghapusan hutang sebanyak RM8.3 bilion kepada peneroka. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua peneroka yang **telah bersedekah sebanyak RM9.9 juta** yang telah kita agihkan kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dalam program Sedekah 300. Semua ini menandakan FELDA boleh, dengan keazaman, kita dapat mencapai apa yang "mustahil" (**Achieving the "Impossible"**)

Mengorak langkah, Waqaf FELDA telah dilancarkan pada 12 November 2021 oleh YAB Perdana Menteri. Ini menandakan titik mula penglibatan FELDA secara sistematis dan strategik dalam pembangunan ekonomi ummah yang lestari. InshaAllah, kita akan mengumpulkan dana wakaf berjumlah RM100juta dalam tempoh setahun selepas penubuhan Waqaf FELDA. Alhamdulillah, dengan adanya Waqaf FELDA ini, akan terus memacu FELDA untuk terus berjaya dan kita akan **BERJAYA DI DALAM KEBERKATAN**.

Melabuhkan tirai 2021, saya menyeru untuk kita sama-sama membulatkan tekad, teguh bersama dengan semangat Keluarga Malaysia dan Keluarga FELDA, keluar dari zon selesa (**comfort zone**) untuk terus membawa FELDA kehadapan **menuju Fortune500** pada tahun **2040**. FELDA akan menjadi hebat dengan warganya yang hebat.

Selamat Tahun Baru 2022 kepada semua Keluarga FELDA.

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
PENGURUSI FELDA**



FORUM BICARA INTEGRITI: MENCARI KEBERKATAN REZEKI

Bicara Integriti merupakan satu program pengukuhan integriti yang dianjurkan oleh Jabatan Integriti bagi memberi pendedahan dan pendidikan kepada petugas FELDA dengan memberi penekanan kepada aspek nilai-nilai murni dan pendekatan kerohanian.

Bersempena dengan Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa 2021 (HARA) yang disambut pada 9 Disember setiap tahun, Unit Integriti di agensi awam digalakkan untuk menganjurkan program-program yang bersesuaian kepada warganya. Sehubungan itu, Jabatan Integriti mengambil inisiatif dengan mengadakan program Forum Bicara Integriti bertajuk: Mencari Keberkatan Rezeki pada tarikh tersebut. Pada tahun 2021, HARA disambut dengan bertemakan "*Your right, your role: Say no to corruption*".

Forum ini telah dihadiri oleh petugas-petugas FELDA ibu pejabat secara fizikal dan warga FELDA melalui Facebook live (FB FELDA). Peserta terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan termasuk Ketua-ketua Jabatan FELDA juga turut hadir.

Objektif diadakan adalah:

- 1**  Menyemai nilai integriti dan antirasuah dalam setiap lapisan masyarakat.
- 2**  Meningkatkan kesedaran dan kefahaman di kalangan petugas FELDA tentang kesalahan rasuah dan pelanggaran tatatertib.
- 3**  Membentuk pemikiran yang positif dalam kalangan petugas FELDA.
- 4**  Memberi kesedaran nilai-nilai integriti dalam aspek tugas sehari-hari.
- 5**  Meningkatkan komitmen petugas FELDA tentang aspek pembudayaan integriti dalam organisasi.
- 6**  Meningkatkan nilai kerja cemerlang dan pengurusan sahsiah kendiri.

Forum ini dikemudikan oleh En. Naziffuddin bin Taijuluddin dari Jabatan Komunikasi Strategik FELDA dengan menampilkan dua orang ahli panel iaitu:

Prof Madya Dr Mohd Sukki bin Othman

Pensyarah Wacana Aqidah, fiqh dan I'jaz al Quran,
Universiti Putra Malaysia.


Ustazah Fatimah Syarha binti Hj. Mohd Noordin

Penceramah Bebas.

Forum ini membincangkan berkaitan rasuah, kaitan rasuah dan keberkatan rezeki, kesan buruk rasuah kepada individu, keluarga, organisasi dan negara serta pematuhan sistem dan tatacara kerja meliputi segala aspek budaya kerja seperti menjalankan tugas dengan penuh dedikasi serta menjalinkan hubungan baik khususnya dengan majikan dan rakan sekerja. Di samping itu, panel penceramah juga telah membawa beberapa sirah para Nabi berkaitan integriti dan rasuah untuk diteladani.



PENYELEWENGAN DAN PENIPUAN



Secara kesimpulannya, program bicara integriti seumpama ini merupakan satu platform yang baik dalam meningkatkan pengetahuan, mendidik dan membudayakan nilai-nilai integriti dalam kalangan warga FELDA di samping memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan keagamaan dan kerohanian.



SCAN ME

BLOK J, ANJUNG FELDA, JALAN MAKTAB,
54000 KUALA LUMPUR
TEL: 03-2693 4224 - FAKS: 03-2693 1244
yayasan@felda.net.my

[Facebook](#) YayasanFeldaOfficial [Instagram](#) @yayasanfelda [Website](#) www.yayasanfelda.org

KOLEJ YAYASAN NEGERI SEMBILAN

FIRST
INSTITUTION
TO OFFER
DIALYSIS
PROGRAMME

Puan Siti Hajar menyampaikan sijil penganugerahan Malaysia Book of Records kepada Dato' Mohd Banuri Aris

IMBAS
SAYA!

YAYASAN FELDA

Yayasan FELDA mencipta rekod tersendiri dengan pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records sebagai 'First TVET Institution to Offer Dialysis Programme'. Pengiktirafan ini merupakan satu sejarah buat Yayasan FELDA yang menjalankan kursus ini sejak tahun 2019 di Kolej Yayasan FELDA Negeri Sembilan, Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sijil penganugerahan berkenaan telah disampaikan oleh Puan Siti Hajar Johor, Senior Record Consultant Malaysia Book of Records kepada Pengurus Besar Yayasan FELDA, Dato' Mohd. Banuri Aris dengan disaksikan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Penggerusi FELDA merangkap Pengerusi Yayasan FELDA, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan FELDA serta Ahli Jawatankuasa Akademik Yayasan FELDA pada 30 November 2021 bertempat di Tingkat 50, Menara FELDA, Kuala Lumpur.



Jumlah pelajar 225 orang

Pensijilan Jabatan
Pembangunan Kemahiran (JPK)
Kementerian Sumber Manusia

Menyediakan sumber tenaga
mahir dalam bidang
kesihatan:

- 479 Pusat Dialisis Swasta
- Industri berkaitan
- Pusat Hemodialisis FELDA
(di bawah pengoperasian
Yayasan FELDA)

Mencipta Sejarah Dengan Penganugerahan Pengiktirafan
Daripada Malaysia Book Of Records Sebagai
"FIRST TVET INSTITUTION TO OFFER DIALYSIS PROGRAMME"



Pelajar-pelajar Kursus Dialisis dilatih menguasai kemahiran asas hingga ke peringkat penyeliaan. Antara kemahiran yang dipelajari adalah persediaan rawatan dan pengendalian pesakit, pengendalian mesin rawatan, urusan rekod dan kemahiran penyeliaan. Pelajar-pelajar dalam bidang ini berpotensi mendapat tawaran pekerjaan bukan sahaja setelah tamat belajar, malah perhatian kepada graduan dalam bidang ini turut diterima semasa dalam tempoh pengajian.

Pengiktirafan ini merupakan satu tanda aras kejayaan FELDA dan Yayasan FELDA dalam menyediakan ruang latihan kemahiran yang berpotensi tinggi buat Warga FELDA dan belia Warganegara Malaysia secara keseluruhannya. Sekalung penghargaan dititipkan buat FELDA, FGV dan rakan-rakan kolaborasi yang bertindak memberi sokongan berterusan dalam apa jua aktiviti Yayasan FELDA khususnya bagi bidang pendidikan. Belia dan beliawanis yang berminat untuk mengikuti kursus-kursus anjuran Yayasan FELDA boleh melayari laman sesawang www.yayasanfelda.org.



Wakaf merupakan sebuah instrumen kewangan Islam yang begitu unik dan berkembang dengan sangat dinamik. Tahukah anda, bahawa instrumen wakaf boleh menjadi perisai kepada harta umat Islam? Walau bagaimanapun, tidak ramai orang Islam khususnya daripada kalangan orang Melayu menyedari akan fungsi ini. Hal ini kerana, segelintir daripada kita lebih menggemari aspek pelaburan berbanding aspek wakaf. Pelaburan dizahirkan pulangannya, sedangkan wakaf pula didakwa terhijab pulangannya di mata manusia.

Polemik yang menimpa umat Islam daripada kaum Melayu dan bumiputera dasawarsa ini, adalah isu pemilikan aset yang sangat rendah jika berbandingkan dengan etnik lain. Kajian sejarah telah membuktikan bahawa 9 daripada 10 bidang tanah milik orang Melayu telah hilang atau dijual (Nik Haslinda, 2010, 37). Malah, kita perlu menerima hakikat bahawa semakin sukar generasi baru umat Islam zaman kini untuk memiliki harta (Azlina Md Yassin, Haryati Shafii, Sarifah Meryam & Siti Najwa, 2017, 156).

Jawapan kepada permasalahan di atas adalah wakaf. Sebelum itu, kita perlu memahami dahulu pengertian wakaf menurut ulama-ulama fiqh. Qaul pertama Hanafiyyah menyatakan bahawa wakaf ialah menahan hak pengelolaan harta yang diwakafkan (mawquf) sedangkan pemilikannya masih terletak kepada orang yang berwakaf (waqif) dan manfaatnya disedekahkan untuk kebaikan.

Namun, qaul yang ashah (lebih sahih) daripada kalangan Hanafiyyah menurut dua murid Imam Abu Hanifah sepakat dengan jumhur ulama muktabar yang mengatakan bahawa wakaf ialah menahan harta daripada pemilikan waqif, lalu berpindahlah hak tersebut kepada milik Allah dan manfaatnya untuk kebaikan.

Ulama Malikiyyah pula sepakat dengan qaul pertama Hanafiyyah. Justeru, menurut mereka, mawquf masih lagi milik waqif, cuma segala hak pengelolaan dan manfaat adalah terhenti. Oleh itu, segala manfaat akan dialirkan kepada tujuan kebaikan.

Di Malaysia yang melazimi mazhab Syafii, mawquf adalah hak milik Allah setelah lafaz (sighah) diucapkan. Tidak disyaratkan sighah qabul (penerimaan) jika mawquf tadi diwakafkan untuk tujuan umum, sebaliknya jika penerima wakaf (mawquf ‘ala’ih) adalah khusus, maka Ulama Syafiyyah mensyaratkan sighah qabul (Fiqh al-Islam wa Adillatuhu, 1985, 8/153-160; Fiqh al-Manhaj ‘ala Mazhab Imam Syafii, 1992, 5/9-38).

Penulis menekankan, bahwasanya apabila sesuatu harta itu diwakafkan, hak miliknya telah berpindah daripada hak milik waqif kepada hak milik Allah. Oleh itu, jumhur Ulama Muktabar menyatakan bahawa mawquf tidak dipusatkan dan diharamkan jual beli yang menyebabkan perpindahan hak milik.

Sebagai contoh, sekiranya Faiz telah mewakafkan rumahnya maka haramlah mana-mana orang mengubah pemilikan rumah tersebut. Kenapa? Kerana hak milik mawquf ialah kepunyaan Allah. Nah, inilah yang dikatakan sebagai perisai harta umat Islam.

"SEANDAINYA FAIZ TADI MEWAKAFAKN RUMAHNYA UNTUK DIMANFAATKAN OLEH ANAK DAN CUCUNYA SEHINGGA KE BAWAH, Maka TIADA SESIAPUN YANG BOLEH MENGGUGAT RUMAH FAIZ DARIPADA DIMANFAATI OLEH ANAK DAN CUCUNYA.

NAMUN, PEWAKAFAAN SEBEGINI JUGA LAMBAT LAUN AKAN MENDATANGKAN ISU DI KEMUDIAN HARI. Tatkala BILANGAN CUCU FAIZ SEMAKIN RAMAI, SEDANGKAN RUMAH TETAP SEBESAR SEPERTI YANG DIWAKAFAKN, TIMBUL persoalan, SIAPAKAH YANG AKAN MENGURUSKAN PENYELENGGERAAN RUMAH SEDEMIKIAN? BAGAIMANA KAH AGIHAN MANFAAT RUMAH JIKA CUCU DAN CICIT FAIZ BERJUMLAH RATUSAN ORANG?

MEMANG BENAR, DARIPADA SUDUT HAK MILIK RUMAH WAKAF FAIZ TERSEBUT SUDAH TIDAK TERGUGAT DAN TIDAK DAPAT DIMANIPULASI OLEH MANA-MANA PIHAK. TETAPI ISU AGIHAN DAN PENGURUSAN ADALAH REALITI YANG PERLU DITANGANI.

Maka untuk menyelesaikan masalah ini, perlu ada satu entiti yang layak dan berkeupayaan untuk mengurus, mentadbir, mengembangkan Rumah Wakaf Faiz dan mengagihkan manfaat wakaf kepada anak, cucu serta keturunannya. Dalam konteks makro di FELDA, fungsi entiti tadi digalas oleh WAQAF FELDA, sebuah syarikat berhad menurut jaminan yang ditauliahkan sebagai Mutawalli untuk menguruskan harta wakaf.

Segala mawquf sama ada dalam bentuk tunai, saham individu, saham syarikat, saham koperasi, aset kekal, kendaraan dan sebagainya yang diwakafkan akan diuruskan oleh WAQAF FELDA.

Mawquf akan diusahakan, dimajukan, dikembangkan malah diselenggara agar terus berkembang untuk berterusan memberi manfaat. Manfaat yang terbit daripada mawquf tersebut tadi diagihkan untuk tujuan kebaikan, mudah-mudahan menjadi bekalan buat pewakaf di sana kelak. Wallahu ta’ala a’lam.



“BUDAYAKAN WAKAF, SEBARKAN KEBERKATAN”


WAQAF FELDA: MAMPU MENGUBAH LANDSKAP EKONOMI NEGARA

Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Waqaf FELDA pada 12 November 2021 lalu di Menara FELDA. Penuhanan Waqaf FELDA ini adalah sebahagian inisiatif mewujudkan *ummatic economy* yang bergerak sebagai kuasa ketiga (third force) untuk membantu merancak serta memulihkan semula ekonomi negara pasca pandemik.

Waqaf FELDA yang akan dilaksanakan menggunakan konsep wakaf korporat memperuntukkan dana sumbangan pewakaf untuk dilaburkan dalam pelbagai bentuk perniagaan. Sebagai permulaan, FELDA akan menyalurkan dana sebanyak RM10 juta kepada Waqaf FELDA. Dengan pengurusan yang cekap dan tadbir urus yang baik, YB Dato' Seri Idris Jusoh, Pengurus FELDA menasarkan Waqaf FELDA untuk berjaya menguruskan aset bernilai RM500 juta menjelang 2030.

Ekosistem ini akan berupaya merangsang ekonomi Malaysia dengan penyediaan peluang perniagaan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta membuka peluang-peluang pekerjaan sekaligus mengubah landskap ekonomi negara. Konsep wakaf korporat ini juga mampu menjadi instrumen membentuk model perniagaan yang lebih mampan bagi Waqaf FELDA lantas dapat memberi manfaat kepada lebih ramai golongan yang memerlukan menerusi keuntungan yang diperolehi.

Waqaf FELDA ini juga diharap menjadi satu medan untuk memupuk semangat memberi dalam kalangan petugas, warga peneroka serta generasi baharu FELDA. Waqaf FELDA ini akan menyuburkan kesinambungan wakaf sebagai ibadah yang menstrukturkan sistem ekonomi keseluruhannya di samping menjadi pencetus kejayaan dalam keberkatan khususnya bagi FELDA sekaligus mengembalikan kegemilangan organisasi ini.



OBJEKTIF WAQAF FELDA



MODEL PERNIAGAAN BAHARU

Menubuhkan syarikat CLBG bagi melaksanakan Wakaf Korporat™.

KEBAJIKAN KOMUNITI

Menyalurkan manfaat wakaf kepada individu, Komuniti dan badan yang memerlukan.

KEBERKATAN

Meraih keberkatan melalui aktiviti infaq dan perwakafan.

KELESTARIAN FELDA

Menjamin kelestarian FELDA melalui aktiviti wakaf yang bersifat kekal.

MODEL WAQAF FELDA



CARA PEMOHONAN WAQAF FELDA

1

ATAS TALIAN



www.waqaffelda.com.my

2

KEBAJIKAN KOMUNITI

RM100/bulan

(Disember – April, 2022)

RM50/bulan

(Januari – Oktober, 2022)

PENGURUS sebagai

WAKIL WAQAF FELDA

3

MANUAL

Muat Turun Borang:

www.waqaffelda.com.my

Email Borang Berserta Bukti

Pembayaran:

Ahli@waqaffelda.com.my



Waqaf Individu



Waqaf Korporat

HARI PRODUKTIVITI DAN KUALITI PERLADANGAN (HPKP) 2021

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada julung kalinya telah mengadakan Hari Produktiviti dan Kualiti Perladangan (HPKP) yang bertempat di Kilang Sawit FGVPIB Maokil, Wilayah Segamat pada 25 November 2021. Program HPKP ini bertujuan untuk menyampaikan penghargaan rancangan yang mencapai prestasi produktiviti dan kualiti tertinggi pada tahun 2020 dan sehingga Jun 2021.

Di samping itu, pelancaran Ladang Lestari 2523 oleh Pengerusi FELDA, YB Dato' Seri Idris Jusoh turut diadakan. Pelancaran tersebut merupakan salah satu titik tolak kepada pelaksanaan Well Formed Outcome (WFO) FELDA, di mana produktiviti ladang peneroka disasarkan kepada 25 tan sehektar setahun dan kadar perahan minyak (OER) sebanyak 23%.

Bagi mencapai objektif Ladang Lestari 2523, beberapa inisiatif akan dilaksanakan di peringkat ladang Kumpulan FELDA. Antaranya adalah meluaskan penggunaan teknologi pintar dan mekanisasi dalam operasi ladang. Ini sejajar dengan seruan kerajaan dalam memperkasakan pengurusan ladang menggunakan teknologi pintar, Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Melalui inisiatif ini, kebergantungan terhadap buruh asing dapat dikurangkan kepada 50 peratus, kos operasi dapat dikurangkan sebanyak 20% dan memberi peningkatan hasil sebanyak 30%.

Selain itu, Amalan Pertanian Baik (GAP) dalam pengurusan operasi ladang turut diberi penekanan. Ini kerana amalan GAP

tersebut bukan sahaja mampu meningkatkan hasil ladang, ia juga dapat mengawal serangan makhluk perosak dan penyakit. Hal ini sekaligus dapat mengurangkan kos operasi ladang serta meningkatkan pendapatan peneroka.

Kesimpulannya, kerjasama antara warga peneroka dan pengurusan FELDA amatlah penting bagi mencapai matlamat Ladang Lestari 2523 ini. Bak kata peribahasa Melayu, “yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”. Diharapkan dengan Program HPKP ini, ia dapat menjadi contoh dan motivasi kepada semua pengurusan wilayah dan rancangan untuk meningkatkan gerak kerja serta usaha dalam meningkatkan prestasi produktiviti dan kualiti yang sedia ada.



SEMINAR NEURO-LINGUISTIC PROGRAMMING (NLP) KOMUNITI 2021

PENGENALAN

Kejuruteraan Manusawi Neuro-Linguistic Programming (NLP) adalah gabungan neurologikal atau saraf (neuro), bahasa (linguistik) dan program perlakuan manusia (program).

Pelaksanaan Program NLP siri ke-2 pada tahun 2021 ini adalah selaras dengan pelan strategik FELDA Well Formed Outcome serta model baharu FELDA yang telah dilihamkan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh (Pengerusi FELDA) bagi mengubah minda 3,000 orang warga FELDA untuk mencapai pendapatan peneroka sebanyak RM5,000.00 pada tahun 2023, hasil perahan minyak 23% (OER), hasil tanaman 25 tan/hektar pada tahun 2023, 1,000 usahawan jutawan pada tahun 2025 serta menjayakan projek pertanian pintar dan berintegrasi dengan penglibatan generasi baru.

OBJEKTIF

- Memberi pendekatan untuk memahami dan mendapatkan ilmu pengetahuan baharu dalam komunikasi yang berkesan dan lebih efektif.
- Membantu untuk berdaya sumber dengan pelbagai idea yang bernaik bagi menjadikan komuniti FELDA sebagai komuniti proaktif dan berwawasan.
- Meningkatkan kemahiran serta pengetahuan bagi teknik-teknik mengawal emosi seperti kecawa, marah, malas dan sebagainya semasa dalam melaksanakan aktiviti harian bagi menjalani kehidupan dengan lebih baik tanpa sebarang tekanan.
- Membina hubungan yang lebih baik di antara komuniti FELDA, kepimpinan pertubuhan-pertubuhan NGO FELDA (JKKR, GPW, MBFM dan KAF) bersama pengurusan FELDA.

KOMUNITI

Program ini melibatkan warga FELDA di semua 317 Rancangan, 25 sesi yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

LOKASI	TARIKH	SESI	JUMLAH PESERTA
WILAYAH RAJA ALIAS Hotel Palm, Seremban	16-17 Oktober 2021	1	50 Orang
		2	48 Orang
	23-24 Oktober 2021	3	75 Orang
		4	83 Orang
	30-31 Oktober 2021	5	60 Orang
WILAYAH TERENGGANU Pejabat FELDA Wilayah Terengganu	29-30 Oktober 2021	6	56 Orang
WILAYAH ALOR SETAR Hotel Zaques, Sungai Petani	29-30 Oktober 2021	7	57 Orang
WILAYAH ALOR SETAR Hotel Park Avenue, Sungai Petani	5-6 November 2021	9	50 Orang
WILAYAH KUANTAN De Rhu Beach Resort, Kuantan	6-7 November 2021	10	51 Orang
WILAYAH TROLAK Hotel Tower Regency, Ipoh	13-14 November 2021	11	63 Orang
WILAYAH JOHOR BAHRU Felda Residence Tanjung Lemam, Mersing	13-14 November 2021	12	53 Orang
WILAYAH KUANTAN De Rhu Beach Resort, Kuantan	13-14 November 2021	13	49 Orang
WILAYAH TROLAK Hotel Grand Baron, Taiping	20-21 November 2021	14	62 Orang
WILAYAH JOHOR BAHRU Felda Residence Tanjung Lemam, Mersing	20-21 November 2021	15	57 Orang
WILAYAH KUANTAN De Rhu Beach Resort, Kuantan	20-21 November 2021	16	50 Orang
WILAYAH JENGKA Hotel Heritage, Cameron Highland	27-28 November 2021	17	76 Orang
WILAYAH JOHOR BAHRU Felda Residence Tanjung Lemam, Mersing	27-28 November 2021	18	77 Orang
WILAYAH MEMPAGA De Rhu Beach Resort, Kuantan	27-28 November 2021	19	70 Orang
WILAYAH TERENGGANU Hotel Felda Residence, Kuala Terengganu	3-4 Disember 2021	8	81 Orang
WILAYAH JENGKA Hotel Heritage, Cameron Highland	4-5 Disember 2021	20	77 Orang
WILAYAH MEMPAGA De Rhu Beach Resort, Kuantan	4-5 Disember 2021	22	86 Orang
WILAYAH GUA MUSANG De Wana Resort, Pasir Putih	10-11 Disember 2021	23	73 Orang
WILAYAH SEGAMAT Hotel MITC, Melaka	11-12 Disember 2021	24	77 Orang
WILAYAH JENGKA Hotel Heritage, Cameron Highland	11-12 Disember 2021	25	76 Orang
JUMLAH KESELURUHAN			1,558 Orang

*sesi ke-8 Wilayah Terengganu pada 5-6 November 2021 ditunda ke 3-4 Disember 2021.

**sesi ke 21-Wilayah Segamat ditangguhkan kerana penutupan sementara operasi pejabat Wilayah.

PROGRAM PEMBANGUNAN PENEROKA

Projek Khas PPP Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat

Projek Khas PPP Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat merupakan salah satu dari projek khas berskala besar di bawah inisiatif Program Pembangunan Peneroka (PPP) FELDA. Selain tujuan utama pelaksanaannya bagi membantu keterjaminan keselamatan makanan negara, projek ini turut merupakan salah satu elemen dalam Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) inspirasi dari Perdana Menteri Malaysia. Hab lembu pedaging ini akan dilaksanakan dengan dana permulaan RM12.4 juta dengan melibatkan dua (2) konsep bagi pelaksanaan, iaitu biak baka dan juga ‘trading’.

Projek ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada Sabtu, 20 November 2021 bertempat di Kompleks Anjung Teduh, FELDA Sahabat 2, Wilayah Sahabat. Turut hadir adalah Pengurus FELDA, Pengarah Besar FELDA bersama Kepimpinan Tertinggi FELDA, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sabah, dan juga Kepimpinan Tertinggi Peneroka.

Konsep penternakan yang dijalankan adalah secara integrasi melibatkan keluasan 6,837.46 hektar ladang ternakan dan kawasan meragut (fasa pertama). Sehingga kini, sebanyak 268 ekor lembu telah mula dibawa masuk secara berfasa. Anggaran keseluruhan 2,100 ekor lembu akan diterima sehingga Jun 2022 secara berperingkat. Populasi ternakan dijangka mencapai 6,000 ekor lembu dalam tempoh tiga (3) tahun berdasarkan potensi dan kelebihan FELDA Sahabat yang mempunyai tanah luas, bebas penyakit dan mempunyai akses pasaran sehingga ke Brunei selain kemudahan logistik yang disokong fasiliti pelabuhan yang berdekatan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek, syarikat berpengalaman dalam industri ini akan bersama-sama menguruskan projek sebagai operator. Bumi Hijau Agro Farm merupakan sebuah syarikat yang dimiliki oleh generasi baharu dari FELDA Sahabat 2, Encik Bakri Pauerdi. Beliau telah lama berkecimpung dalam industri, populasi semasa ternakan yang dimiliki adalah sebanyak 3,200 ekor lembu.

Antara objektif yang cuba dicapai menerusi pelaksanaan projek ini adalah pemerkasaan koperasi rancangan. Pelaksanaan projek ini bakal melibatkan lima (5) koperasi, iaitu Koperasi Sahabat 1-5. Seramai 871 ahli koperasi yang terdiri daripada warga peneroka di Gugusan FELDA Sahabat akan meraih manfaat dalam bentuk dividen tahunan mencecah RM4,000 seawal tahun keempat selain peluang-peluang pekerjaan kepada generasi baharu FELDA di sini.

Kejayaan pelaksanaan projek Hab Lembu Pedaging FELDA Sahabat ini akan menjadi manifestasi komitmen FELDA dalam menjayakan Program Pembangunan Peneroka dengan objektif utama untuk meningkatkan pendapatan warga peneroka. Aspirasi ini akan berupaya meningkatkan taraf sosioekonomi dan mobiliti sosial warga peneroka di samping mewujudkan warga peneroka yang lebih mandiri.



MEKANISASI FELDA

Definisi

Penggunaan alat jentera dan mesin untuk menggantikan tenaga manusia atau binatang haiwan dalam pelaksanaan sesuatu.



GALAKAN PENGUNAAN MEKANISASI SECARA BERSEPADU DI LADANG PENEROKA DAN BLOK FELDA

Faedah Mekanisasi



SESI *ONSITE HANDS-ON* SPMS

Sesi penerangan SPMS di lapangan atau Onsite Hands-on SPMS dijalankan bagi memberikan pendedahan bagi penggunaan SPMS secara terus kepada pengguna (user) iaitu petugas ladang di rancangan. Program ini bermula di Wilayah Segamat (Di FELDA Moakil) dengan memberi fokus kepada rancangan-rancangan dibawah SPMS Fasa 1. Turut dijemput bersama adalah petugas-petugas yang bersama menguruskan SPMS di Jabatan Perlادangan, Inspektorat Perlادangan, Jabatan Koordinasi Wilayah, Jabatan Teknologi Maklumat dan Digital serta Pejabat Pengurusan Projek, Pengarah Besar.

Sesi ini juga memberi pendedahan kepada user terutamanya petugas ladang bagi kaedah penggunaan aplikasi mobile SPMS di lapangan, iaitu di ladang peneroka. Bagaimana kaedah untuk mencari lot berdasarkan nama atau nombor lot, atau mencari

kawasan-kawasan menjadi isu di ladang. Penggunaan aplikasi boleh dilakukan secara dalam talian (online) atau di luar talian (offline).

Pelbagai ciri-ciri dalam aplikasi SPMS boleh membantu petugas dalam urusan kerja sehari-hari, termasuk mengenalpasti pokok yang tidak sihat (Unhealthy palm) berdasarkan lokasi pokok (unique coordinates). Pokok-pokok yang bermasalah di dalam ladang ditanda (marking) dengan warna kuning bagi membezakan dengan pokok yang sihat atau pokok mati (vacant point) ditanda merah. Setiap petugas SPMS Fasa 1 ini yang hadir program ini akan dijadikan sebagai Mentor/Coach kepada petugas ladang lain yang sedang menjalankan SPMS Fasa 2 sekiranya berlaku sebarang persoalan berbangkit di Wilayah terlibat.

Berikut adalah penjadualan sesi Onsite Hands-on SPMS yang telah dan akan dijalankan pada masa akan datang

1

7 September 2021

Wilayah Segamat
(FELDA Moakil)

2

14 September 2021

Wilayah Kuantan
(FELDA Kg New Zealand)

3

23 September 2021

Wilayah Trolak dan
Alor Setar (FELDA Sg
Kelah)

4

27 September 2021

Wilayah Jengka
dan Mempaga
(FELDA Kg Awah)

5

6 Oktober 2021

Wilayah
Terengganu dan
Gua Musang
(FELDA Bukit Bading)

6

13 Oktober 2021

Wilayah Johor
Bahru
(FELDA Pasak)

7

14 Oktober 2021

Wilayah Raja Alias
(FELDA Raja Alias 02)

Fungsi Jejakkan Mobile SPMS

Fungsi bagi mengukur dan menganggarkan jarak dari kedudukan semasa petugas dengan lokasi pokok yang tidak sihat berdasarkan longitud and latitud pokok berkenaan.

ANUGERAH PENCAPAIAN TERBAIK SEDEKAH

BIODATA DIRI

Aminnaim Bin Mahussin
PENGURUS RANCANGAN

TEMPOH PERKHIDMATAN

- Berkhidmat di FELDA selama 15 tahun
- Berkhidmat di FELDA Kerteh 2 sejak 12/2016 - kini
- 321 orang peneroka

INDIVIDU

Lima matlamat yang ditetapkan menjadi lebih manis apabila penyatuhan komuniti warga rancangan berjaya diterjemahkan apabila FELDA Kerteh 2 berjaya menjadi **Johan Anugerah Kecemerlangan Rancangan FELDA 2021 (AKRF 2021)** dan **Anugerah Pencapaian Terbaik Sedekah**.

Semua kejayaan ini bermula dengan sifat ukhuwah dan toleransi yang utuh antara warga penduduk FELDA Kerteh 2 dan pengurusan rancangan, di mana setiap individu memainkan peranan penting dengan menjadikan lima matlamat yang diletakkan bersifat pencapaian peribadi dan terus fokus untuk memastikan kita semua berada di laluan yang sama.

Manakala di pihak pengurusan dan kakitangan FELDA Kerteh 2, tersemat sifat serta kemauan untuk menjadi yang terbaik (*Winning Mentality*). Budaya menguruskan warga peneroka dan penerokawati setaraf ibu dan ayah dalam urusan harian telah berjaya membina kepercayaan di antara mereka.

Bertepatan dengan slogan '**FELDA ADALAH LOMBONG EMAS**' warga FELDA Kerteh 2 akan terus berusaha untuk merealisasikan dan membuktikan kita adalah insan terpilih untuk mendiami '**lombong emas**'. Dengan prinsip '**terra incognita**' yang membawa maksud penerokaan ke daerah yang baharu, pengurusan FELDA Kerteh 2 akan terus bersama warga rancangan untuk menyahut dan melaksanakan matlamat FELDA walaupun bukan dalam zon kebiasaan.

Semua kejayaan yang dikehapi adalah kerana:

Matlamat dan tujuan diletakkan secara jelas bagi merangka tindakan.

- "When Vision Is Clear Action Become Easier"**

- Sentiasa bersedia untuk lebih fleksibel
- Penerapan nilai minda juara.
- Warga petugas yang mempunyai komitmen dan kebertanggungjawaban yang tinggi.
- Kepercayaan dan kerjasama yang teramat baik dari warga Peneroka, Penerokawati dan Generasi Baharu.
- Memastikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada warga peneroka di tahap terbaik.



"Kita adalah apa yang kita fikir, rasa, cakap dan buat!"

Frasa yang cukup bermakna dalam menzhahirkan matlamat yang diletakkan oleh Pengurusan tertinggi FELDA dalam mencapai '**Well Formed Outcome**' yang selari dengan saranan untuk meletakkan imej rancangan di tahap yang paling optimum. Justeru itu, saya telah membuat inisiatif dengan meletakkan lima matlamat yang perlu dicapai oleh Pengurusan Rancangan FELDA Kerteh 2 dalam jangka masa lima tahun bermula Januari 2017 merangkumi:

- Pengurusan Rancangan yang cemerlang
- Produktiviti ladang yang maksimum
- Hantaran hasil peneroka ke FELDA 100%
- Pengurusan Pendapatan Badan-badan di rancangan yang optimum
- Penyatuhan komuniti warga rancangan

Menjelang tahun 2021, matlamat yang telah diletakkan 5 tahun sebelum telah menampakkan hasil dengan pencapaian beberapa anugerah yang berjaya menaikkan imej Rancangan FELDA Kerteh 2 (2018-2021) seperti:

- Anugerah Hasil Terbaik Lot Peneroka Urus Kebun Sendiri 2018
- Anugerah Rancangan Berinovasi 2018
- Johan AKKF FELDA Wilayah Terengganu 2019
- Anugerah Inovasi & Kreativiti AKKF Tahun 2019 FELDA Wilayah Terengganu
- Anugerah Rancangan Hasil Terbaik 2019 Lot Peneroka Urus Sendiri Capai 24.13 Tan/Hek
- Anugerah Kutipan Pinjaman Peneroka Paysheet Individu Terbaik 2019
- Johan AKKF 2019 FELDA Wilayah Terengganu
- Johan Booth Terbaik Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) FELDA 2019
- Johan Kategori Penambahbaikan Pertandingan Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) FELDA 2019
- Anugerah Hasil Terbaik Suku Tahun Ketiga 2020 Lot Peneroka Urus Sendiri
- Anugerah Hasil Terbaik Suku Tahun Ketiga 2020 Lot FELDA
- Johan AKKF 2020 FELDA Wilayah Terengganu
- Finalis AKKF 2020 Top 5
- Anugerah Khas Juri Taman Bestari AKKF 2020 (Syifa Garden)
- Johan AKRF Peringkat FELDA Wilayah Terengganu 2021
- Johan Anugerah Kecemerlangan Rancangan FELDA 2021
- Anugerah Pencapaian Terbaik Sedekah